

# PM minta TMJ henti keluar kenyataan

> Tunku Ismail tak patut bercakap di luar pengetahuan

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

## Putrajaya

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim, tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan berhubung perkara yang di luar pengetahuan beliau.

"TMJ ini seorang budak kecil...dia bodoh kerana tidak tahu apa yang berlaku. Jadi jangan cakaplah apabila anda tidak tahu apa yang sedang berlaku," katanya pada sidang media khas sempena setahun peme-

rintahan Pakatan Harapan (PH) di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kenyataan Tunku Ismail di Twitter pada Khamis lalu, bahawa perbuatan baik ayahandanya, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, seperti mengurniakan tanah kepada rakyat dan kerajaan yang tidak ditonjolkan media.

Tunku Ismail berkata, ayahandanya juga membantu menyelesaikan hutang kerajaan pada tahun kedua menjadi Sultan Johor, selain bantuan kepada pelbagai yayasan serta kurniaan tanah untuk pembinaan rumah mampu milik, masjid, kuil dan tokong.

Kenyataan itu dibuat susulan laporan media mengenai sebidang tanah persekutuan yang diperuntukkan untuk Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura (RTS) sudah dipindah milik kepada Sultan Johor.

Susulan itu, Setiausaha Sulit Sultan Johor, Datuk Jaba Mohd Noah, tampil memaklumkan bahawa Sultan Ibrahim tidak pernah dimaklumkan berhubung perkara itu dan baginda



[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR /BH]

**Dr Mahathir pada sidang media khas sempena setahun pemerintahan PH di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.**

sedia menyerahkan tanah berkenaan kepada kerajaan tanpa sebarang kos.

## Tiada masalah, krisis

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Mahathir berkata, beliau tidak mempunyai sebarang masalah atau krisis dengan institusi raja, khususnya Sultan Johor.

"Tak ada (masalah)...bila saya jumpa (Sultan Johor), baginda pandu kereta dan hantar saya ke lapangan terbang," katanya.

Ditanya sama ada institusi

raja mencampuri perjalanan urusan pentadbiran kerajaan, Dr Mahathir berkata apa yang dilakukan kerajaan hari ini adalah mengikut Perlembagaan dan perundangan.

"Bila kita lihat ada pelanggaran undang-undang, kita kena ambil tindakan membetulkan, tentu ada keputusan yang tidak dipersetujui, tetapi kita kena ikut (undang-undang), jika kita dapati tidak berlaku pelanggaran undang-undang maka kita gembira menerimanya," katanya.